

24 APR 2002

NAIB PRESIDEN CHINA MENGADAP AGONG

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Naib Presiden Republik China Hu Jintao dan isteri Liu Yongqing hari ini mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini.

Hadir sama ialah Menteri Pertanian Datuk Affendi Norwawi selaku menteri pengiring.

Hu, 60, tiba di ibu negara semalam bagi lawatan rasmi empat hari bersama delegasi 65 anggota, atas jemputan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ia merupakan lawatan pertama Hu ke negara ini.

Lawatan itu antara lain bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala serta mengenal pasti peluang perdagangan di antara kedua-dua negara.

Hu yang bakal menggantikan Presiden Jiang Ze Min tahun depan, juga akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau juga dijadualkan bertemu Abdullah serta menghadiri mesyuarat delegasi sebelum melakukan lawatan sehari ke Pulau Pinang esok.

-- BERNAMA

NHA AHH RHM